Day-Date 36

Oyster, 36 mm, emas Everose

Oyster Perpetual Day-Date 36 dalam emas Everose 18 karat dengan permukaan firus, bertatahkan berlian, bezel berjejalur dan rantai President.



PERMUKAAN FIRUS

Menjadi dambaan ramai selama ribuan tahun

Permukaan ini mempunyai penanda jam dalam emas 18 karat yang bertatahkan 32 berlian, dan Roman VI dan IX dalam 18 karat emas yang bertatahkan 24 berlian.

Hanya ditemukan di beberapa tempat di bumi, batu firus telah menjadi dambaan ramai selama ribuan tahun kerana warna yang istimewa. Rolex memilih batu firus kerana keindahan struktur dan ciri khasnya, warna biru nadir, serta amat serasi

apabila dipadankan dengan emas kuning dan putih. Batu ini dikhaskan secara eksklusif untuk Day-Date 36 dalam versi emas atau platinum.



BEZEL BERJEJALUR

Tanda pengenalan Rolex

Bezel berjejalur Rolex ialah lambang kelainan. Pada asalnya, jejalur bezel Oyster mempunyai tujuan fungsian: digunakan untuk memasang bezel pada penutup bagi memastikan jam tangan itu kalis air.

Oleh itu, jejalur ini sama dengan jejalur penutup belakang yang juga diskrukan pada penutup supaya kalis air dengan menggunakan alatan khusus Rolex. Lama-kelamaan, jejalur itu menjadi elemen estetik, satu ciri asli yang menjadi tanda

pengenalan Rolex. Kini, bezel berjejalur ialah satu tanda kelainan, dalam emas pada Day-Date 36 ini.



EMAS EVEROSE 18 KARAT

Paten eksklusif

Untuk memelihara keanggunan jam tangan emas merah jambu, Rolex telah mencipta dan mempatenkan aloi emas merah jambu 18 karat yang dihasilkan di faundri sendiri: Emas Everose.

Diperkenalkan pada tahun 2005, emas Everose 18 karat digunakan di semua model Rolex Oyster dalam emas merah jambu.



RANTAI PRESIDENT

Kehalusan yang muktamad

Reka bentuk, pembangunan dan penghasilan rantai dan pengancing Rolex, serta ujian ketat yang dijalani, melibatkan teknologi tinggi termaju.

Tambahan pula, seperti semua komponen jam tangan, kawalan estetika oleh mata manusia menjamin kecantikan yang sempurna. Rantai President, dengan tiga keping sambungan separa bulat, telah dicipta pada tahun 1956 untuk pelancaran Oyster Perpetual Day-Date. Rantai ini

melambangkan kehalusan dan keselesaan yang muktamad serta sentiasa diperbuat daripada logam berharga yang dipilih dengan teliti.

Lagi butiran teknikal
Day-Date

Rujukan 128235

Penutup Model

Jenis
Oyster, 36 mm, emas Everose

Diameter
36 mm

Bahan
Emas Everose

Bezel
Berjejalur

Seni Bina Oyster
Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

Putaran Jam
Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

Kristal
Nilam tahan calar, kanta Siklops di atas tarikh

Kekalisan Air
Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis
Perpetual, mekanikal, automatik

Kaliber
3255, Buatan Rolex

Ketepatan
-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Pengayun
Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran
Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

Rizab kuasa
Lebih kurang 70 jam

Fungsi
Jarum jam tengah, minit dan saat. Hari dan tarikh serta-merta dalam bukaan, penetapan pantas tanpa had. Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

Rantai

Jenis
President, pautan tiga keping separa bulat

Bahan Rantai
Emas Everose 18 karat

Pengancing
Crownclasp lipat terlindung

Permukaan

Jenis
Firus bertatahkan permata

Tatahan permata
Penunjuk jam dipasangkan dalam 18 karat emas dengan 32 berlian, Roman VI dan IX dipasangkan dalam 18 karat emas dengan 24 berlian

Pensijilan

Jenis

Kronometer Superlatif (COSC + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

Semua hak milik intelek seperti tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagang, reka bentuk dan hak cipta terpelihara.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam laman web ini boleh diterbitkan tanpa kebenaran bertulis. Rolex berhak mengubah suai model yang dipaparkan pada laman web semasa pada setiap masa.

ROLEX